

# Anwar, Erdogan dijangka bincang isu pulih Gaza

Presiden Turkiye bakalawat Malaysia minggu depan

**Iph:** Pemulihan dan pembangunan semula Gaza antara perkara utama dijangka dibincangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan yang akan mengadakan lawatan ke Malaysia pada minggu depan. Setiausaha Politik Kanan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Md Akin, berkata kedua-dua figura itu antara pemimpin yang lantang menyuarakan pandangan mewakili dunia Islam, termasuk isu penindasan terhadap rakyat Palestin.

“Saya fikir ini waktu yang sangat penting setelah Presiden Amerika Syarikat (AS) mengumumkan pelan (mengambil alih Semenanjung Gaza) yang pada saya langsung tidak masuk akal.

“Saya percaya pertemuan di antara kedua-dua pemimpin



Shamsul Iskandar

(Anwar dan Erdogan) utama dan besar ini yang juga sahabat lama, tentunya akan memberi kesan sangat signifikan terhadap ikhtiar masyarakat antarabangsa bagi mencari jalan untuk menjayakan pembangunan semula Gaza,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mewakili Perdana Menteri untuk menyempurnakan perasmian Majlis Peluncuran Skim Rumah Ibu di sini, semalam.

Pada 5 Februari lalu, Presiden

AS, Donald Trump membuat kenyataan AS ‘akan mengambil alih’ Semenanjung Gaza selepas menempatkan semula rakyat Palestin di tempat lain di bawah pelan pembangunan semula yang didakwa boleh mengubah enklaf itu menjadi the Riviera of the Middle East.

## Tolak kenyataan Trump

Namun, pejuang Palestin, Hamas dan beberapa pemimpin dunia dilaporkan secara tegas menolak kenyataan Trump berhubung perkara itu, selain menyifatkan ia kekeliruan dan kejahatan mendalam terhadap perjuangan Palestin serta rantau ini secara keseluruhan. BERNAMA